

PERSEPSI GOLONGAN REMAJA TERHADAP PENGGUNAAN BAHASA SARKASTIK

PERCEPTION OF TEENAGERS TO THE USE OF SARCASTIC LANGUAGE

Ezzah ‘Afifah binti Nasrudin

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (UPM), Malaysia.
(Email: ezzahafifahnasrudin@gmail.com)

Received date: 03-04-2019

Revised date: 28-04-2019

Accepted date: 10-09-2019

Published date: 15-09-2019

To cite this document: Nasrudin, E. A. (2019). Persepsi Golongan Remaja Terhadap Penggunaan Bahasa Sarkastik. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language*, 2(7), 13-22.

DOI: 10.35631/ijhpl.27002

Abstrak: Sarkastik dianggap sebagai satu dunia baru selari dengan perubahan alam (Frank Burton, 2009). Sarkastik telah dianggap sebagai satu gaya bahasa sindiran yang tajam sehingga mampu menimbulkan kemarahan seseorang (Toplak & Camp, 2011). Namun, bahasa sarkastik ini dapat difahami secara berbeza bergantung pada sesuatu budaya itu sendiri (Grice, 1975). Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi golongan remaja dari sudut tahap dan kesan penggunaan bahasa sarkastik menerusi dialog yang diadaptasi oleh Bowes dan Katz (2011). Kajian ini telah menggunakan pendekatan kuantitatif. Satu instrumen kajian, iaitu soal selidik yang dibangunkan oleh Joel Mounts (2012) telah diaplิกasikan dalam kajian ini. Dalam kajian ini, responden adalah seramai 50 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar tahun akhir dalam jurusan Diploma Pengurusan di peringkat Institusi Pengajaran Tinggi Swasta (IPTS). Hasil daripada analisis data tersebut mendapati bahawa bahasa sarkastik bukan sahaja boleh disampaikan dalam bentuk agresif bahkan juga secara halus. Namun begitu, penggunaan bahasa tersebut sememangnya dapat mempengaruhi emosi yang negatif dalam kalangan remaja.

Kata Kunci: Sarkastik, Persepsi, Golongan Remaja

Abstract: Sarcastic is considered a new world in parallel with natural change (Frank Burton, 2009). Sarcastic style was regarded as a sharp satire language so as to anger somebody (Toplak & Camp, 2011). However, this sarcastic language can be understood differently depending on the culture itself (Grice, 1975). Hence, the objective of this study is to identify perceptions, and the use of language sarcasm through dialogs adapted by Bowes & Katz (2011). This study has been using quantitative approaches. A research instrument, a questionnaire developed by Joel Mounts (2012) was applied in this study. In this study, respondents are 50 students comprising final year students in the Management Diploma in Private Higher Education Institutions. The results of the data analysis found that sarcastic language are not necessarily being delivered in

aggressive form but also subtly. However, the use of sarcasm language can effecting the negative emotions among teenagers.

Keywords: Sarcastic, Perception, Teenagers

Pengenalan

Tidak dinafikan bahawa bahasa sarkastik ini disifatkan sebagai pengucapan yang agak kasar. Ciri utama gaya bahasa sarkastik lebih bersifat pada celaan dan kesat sehingga menyakitkan hati si pendengar (Tarigan, 2009). Jika dilihat pada asal usul perkataan sarkastik itu berasal daripada bahasa Yunani, iaitu “sarkasmos” yang termasuk dalam golongan kata kerja “sarkasein” bermaksud “merobek-robek daging seperti anjing” atau “bicara dengan kepahitan” (Keraf, 2010). Secara etimologi, sarkastik berasal dari negara Perancis yang bahasa latinnya disebut sebagai “sarcasmus” yang berasal daripada perkataan “sarkazo” yang bermaksud hati yang telah tertusuk. Oleh itu, ada ahli bahasa yang berpendapat bahawa penggunaan bahasa sarkazo ini dapat menyebabkan kesakitan yang mendalam sehingga terkesan di dalam hati.

Sungguhpun begitu, sarkastik tidak semestinya digunakan secara kasar (Grice, 1975). Kenyataan di atas juga telah disokong oleh Gibbs (2000) yang menyatakan pendapat bahawa sarkastik merupakan sejenis ironi yang digunakan untuk bergurau senda, namun ia mempunyai beberapa unsur atau sentimen seperti unsur penghinaan, ejekan, dan sindiran dalam konteks ayat yang boleh menjurus kepada unsur negatif. Gibbs menerangkan lagi bahawa unsur ini dianggap berkaitan dengan unsur peribadi yang digunakan sebagai suatu jenaka. Oleh itu, terdapat kepelbagaian dalam penggunaan sarkastik dan tujuannya dalam pertuturan. Sekiranya diteliti penggunaan sarkastik ini sememangnya mampu untuk mengejek dan menghina seseorang secara berlapik.

Misalnya, Burton (2009) lebih gemar menyampaikan sarkastik secara humor bagi tujuan untuk mengejek atau menghina seseorang. Berdasarkan pengalamannya, Burton telah mengatakan bahawa apabila sarkastik disampaikan secara humor, maka ia dapat berfungsi untuk menghangatkan lagi perbualan antara individu lain yang sememangnya kurang gemar menggunakan sarkastik secara kasar. Penyampaian sarkastik sering diundang reaksi negatif dalam pertuturan. Oleh itu, Burton telah memberikan pandangan bahawa sarkastik itu juga boleh disampaikan dalam bentuk humor. Pandangan Burton mempunyai persamaan dengan Haiman (1998) iaitu seorang Profesor dalam bidang linguistik yang mengatakan bahawa penggunaan sarkastik adalah bersesuaian mengikut keperibadian seseorang dan kebudayaan yang melingkupi penuturnya.

Tambahan lagi, Burton (2009) mengatakan bahawa istilah sarkastik merupakan ungkapan yang bertentangan daripada penyampaian yang sebenar dan ia bersifat bahasa yang tidak logik daripada bahasa-bahasa yang lain. Sebagai contoh, seseorang menyatakan ungkapan “*You looks great*”. Jika diteliti secara harfiah melalui isyarat lisan dan bukan lisan serta isyarat kontekstual, kemungkinan ayat tersebut boleh ditafsirkan secara ironi. Penggunaan sarkastik sangat bergantung pada situasi penutur dan pendengar. Berdasarkan kenyataan di atas, jelaslah bahawa tidak semua individu bertindak balas dengan penyampaian sarkastik yang sama.

Bertitik tolak dengan kenyataan di atas, jelaslah bahawa terdapat kepelbagaian dalam penggunaan sarkastik serta tujuannya dalam pertuturan. Tambahan pula, bahasa sarkastik itu

sememangnya mengandung makna tersirat dan bertentangan dengan kata yang disampaikan oleh seseorang (Akmajian et. al., 2002) sehingga menyebabkan setiap individu mempunyai tahap interpretasi yang berbeza. Setiap ujaran yang disampaikan oleh penutur pula tentunya bergantung kepada keadaan psikologi penutur. Hal ini kerana penggunaan kata yang tersirat ini amat bergantung kepada penerimaan seseorang sama ada kesannya itu diterima secara positif ataupun negatif.

Walau bagaimanapun, penerimaan penggunaan bahasa sarkastik itu sememangnya berkait dengan pengalaman dan pengetahuan seseorang (Clark & Marshall, 1981). Ia dianggap faktor penting dalam memahami penyampaian bahasa sarkastik. Hal ini demikian kerana bahasa sarkastik boleh digunakan dalam pelbagai situasi. Oleh sebab itu, jika pendengar atau pembaca tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam penggunaan bahasa sarkastik, maka ia dianggap sebagai bahasa yang bersifat harfiah dari segi penyampaian maknanya.

Lantaran daripada itu, timbul permasalahan dari segi perselisihan fahaman di antara penutur dan pendengar. Hal ini disebabkan oleh penggunaan bahasa sarkastik yang dapat diinterpretasi dalam pelbagai bentuk sehingga pembinaan ayat sarkastik mampu untuk menghasilkan kesan yang mendalam kepada pendengar (McDonald, 1999). Hal ini demikian kerana bahasa tersebut sering digunakan bagi tujuan untuk menyindir, mengejek dan sebagainya tanpa mengira sensitiviti seseorang (Noor Azura, 2017).

Justeru, memandangkan terdapat perbezaan dari sudut penggunaan bahasa sarkastik ini, maka ia telah menarik minat ramai pengkaji untuk mendalami bahasa sarkastik dari sudut pelbagai bidang ilmu khususnya bidang linguistik dan psikologi. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengenal pasti persepsi terhadap penggunaan bahasa sarkastik yang lebih memfokuskan kepada tahap penggunaan bahasa sarkastik dan kesan penggunaannya terhadap golongan remaja.

Kajian Literatur

Dewasa ini, fenomena penggunaan bahasa sarkastik dalam kalangan remaja dapat dikaitkan dengan sikap antiinstitusi, orientasi tempatan, kepelbagaian kenalan, dan inovasi tempatan (Penelope, 2003). Penggunaan bahasa sarkastik ini lebih menonjolkan tindak tutur penuturnya yang lebih bersifat kepura-puraan ketika mengujarkan sesuatu. Penggunaan bahasa sarkastik ini boleh membawa kepada agresif sehingga halus. Justeru, penggunaan bahasa tersebut dapat memberikan impak yang negatif dan positif. Bagi seseorang yang menerima sarkastik ini akan terasa kesan seperti satu tamparan yang hebat apabila perkara yang ditujukan itu mengenai perihal dirinya (Norsyahida, 2017).

Laila (2017) menyatakan bahawa fenomena bahasa sarkastik amat berpengaruh dalam laman media sosial, khususnya di Twitter. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, pengguna Twitter dalam kalangan remaja lazimnya semakin arif dalam menggunakan unsur sarkastik bagi tujuan untuk mengejek atau “membahan” individu lain secara terbuka. Walaupun begitu, terdapat segelintir pengguna Twitter yang dapat menerima penggunaan sarkastik secara positif dengan menunjukkan tindak balas menekan butang “*retweet*” tanda menyokong dengan penyampaian tersebut.

Selain itu, Zaitul Azma dan Mohd Fuad (2012) dalam kajiannya menyatakan penggunaan bahasa sarkastik lebih menonjolkan tindak tanduk penuturnya yang lebih bersifat kepura-puraan ketika mengujarkan sesuatu ujaran atau ucapan. Penggunaan sarkastik yang

digunakan oleh golongan remaja lebih bertujuan untuk mengusir, mengejek, dan menghina rakannya sendiri. Hal ini dapat dilihat seperti contoh “Aku tau aku bodoh...kau hebatkan?” dan “...terima kasih banyak-banyak. Blahlah kau.” Kata-kata berbentuk sarkastik boleh mencetuskan konfrontasi dalam perbualan sekiranya emosi penerimanya menunjukkan kemarahan.

Perilaku bahasa sarkastik dalam kalangan remaja semestinya berkait dengan emosi remaja kerana golongan tersebut sering mengalami pelbagai konflik diri. Tambahan pula, golongan remaja mudah mempamerkan sikap ketidakpuasan hati dan lazimnya diluahkan menggunakan bahasa yang kasar.

Tambahan pula, Alfysa (2015) menyatakan bentuk penggunaan sarkastik yang paling umum dalam pergaulan remaja ialah bentuk sarkastik secara eksplisit dan implisit. Sebagai contoh bentuk sarkastik secara eksplisit ialah “Dasar kau anjing！”, manakala secara implisit ialah Bijaknya engkau! (sehingga gagal dalam peperiksaan). Berdasarkan beberapa contoh yang digunakan oleh golongan remaja, jelas menunjukkan bahawa golongan remaja sememangnya kerap menggunakan gaya bahasa sarkastik.

Penggunaan gaya bahasa sarkastik dalam pergaulan remaja dapat mempengaruhi dan mengubah tingkah laku seorang remaja. Alfysa juga berpendapat bahawa seseorang remaja dapat mempengaruhi citra gaya bahasa sarkastik dengan bergantung pada cara untuk mengaplikasikan penggunaan sarkastik dalam pergaulan seharian.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi golongan remaja dari sudut tahap dan kesan penggunaan bahasa sarkastik menerusi dialog yang diadaptasi oleh Bowes dan Katz (2011).

Kaedah Penyelidikan

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dengan menggunakan data-data kuantitatif dan kualitatif yang dikumpul melalui borang soal selidik dan temu bual. Bagi memperoleh data kuantitatif dan kualitatif, satu instrumen telah digunakan dalam kajian ini, iaitu satu set soal selidik yang dibangunkan oleh Joel Mounts (2011). Soal selidik ini meliputi 10 soalan dan setiap soalan tersebut mengandung ulasan atau komen daripada responden. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif. Bagi mengukur tahap penggunaan bahasa sarkastik soal selidik ini menggunakan kaedah penginterpretasian yang dicadangkan oleh Ratanawalee Wimolmas (2013) seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.

Kategori	Julat Min
Rendah	1.00 – 2.33
Sederhana	2.34 – 3.67
Tinggi	3.68 – 5.00

Jadual 1: Penentuan Tahap Penggunaan Bahasa Sarkastik

Sampel Kajian

Sampel yang terlibat dalam kajian ini merupakan pelajar tahun akhir dalam jurusan Diploma Pengurusan di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan jumlahnya adalah seramai 50 orang pelajar. Kaedah persampelan yang dipilih adalah pensampelan bertujuan. Pelajar tahun akhir menjadi fokus kajian kerana golongan ini didapati berada pada angka tertinggi dalam melakukan kerja-kerja sambilan. Justeru, golongan ini lebih cenderung kepada interpersonal (hubungan sesama manusia) khususnya di kolej mahupun di tempat kerja. Selain itu, golongan ini juga mengalami satu proses iaitu proses pembelajaran dalam kehidupan (Ruhaiza & Nur Hanisah, 2016). Berdasarkan pandangan ini, jelas menunjukkan bahawa golongan ini lebih banyak pendedahan terhadap penggunaan bahasa sarkastik dalam perbualan harian mereka.

Instrumen Kajian

Alat kajian yang digunakan ini terdiri daripada borang soal selidik yang dibina oleh Joel Mount (2011). Borang soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi item demografi, iaitu perkara yang melibatkan umur dan jantina pelajar. Bagi bahagian B pula, telah mengandungi 10 soalan yang mengandungi bahagian tahap sarkastik dan kesan penggunaan ayat tersebut berdasarkan skala yang diberikan. Responden dikehendaki memberikan respons kepada setiap item dengan menggunakan skala Likert lima mata mengikut susunan rendah, sederhana rendah, sederhana tinggi, tinggi, dan amat tinggi. Responden perlu membuat penilaian berdasarkan ayat sarkastik yang terdapat pada dialog yang diadaptasi oleh Bowes dan Katz (2011) yang memaparkan dua situasi perbualan harian antara pelajar 1 dan pelajar 2. Berikut merupakan dialog tersebut:

Situasi 1

- | | |
|-----------|--|
| Pelajar 1 | : Kau meniru kertas ujian aku??? |
| Pelajar 2 | : Ya, aku mengambil risiko yang tinggi untuk meniru kau, sebab kau kan seorang yang sangat pandai!!! |
| Pelajar 1 | : Mengaku sahajalah yang kau meniru. Aku nampak tadi! |
| Pelajar 2 | : Ya, Kau betul... aku memang suka meniru orang yang bodoh... |
| Pelajar 1 | : Aku tak nak terlibat dengan apa-apa masalah nanti. |
| Pelajar 2 | : Oh, aku minta maaf sangat... |
| Pelajar 1 | : Aku tak nak gagal dalam subjek ini dan aku tak nak kau lakukannya lagi. |
| Pelajar 2 | : Kau betul, aku memang suka meniru. |
| Pelajar 1 | : Jika aku terlibat dengan masalah, aku akan tarik kau sekali! |
| Pelajar 2 | : Takutnya dengan ugutan kau itu! |

Situasi 2

(Beberapa hari kemudian...)


- | | |
|-----------|---|
| Pelajar 1 | : Hai!, aku dengar kau dapat D- dalam ujian yang lepas... Hebat, Einstein!. |
| Pelajar 2 | : Aku ingatkan aku dah buat yang terbaik. |
| Pelajar 1 | : Oh, yeke? |
| Pelajar 2 | : Ya, aku sudah mengulangkaji dengan bersungguh-sungguh. |

- Pelajar 1 : Ya, betul.
 Pelajar 2 : Tapi ini cuma kebetulan je... aku memang orang yang pintar...
 Pelajar 1 : Sepatutnya aku yang meniru jawapan kau.
 Pelajar 2 : Aku akan tinggalkan kau kalau kau masih teruskan...
 Pelajar 1 : Eh, janganlah! Aku nak berbual dengan kau sepanjang hari.
 Pelajar 2 : Baiklah... Aku pergi dulu...

Analisis Dapatan Kajian dan Perbincangan

Tahap Penggunaan Bahasa Sarkastik

Dapatan kajian mengenai tahap penggunaan bahasa sarkastik telah disenaraikan dalam rajah 1.



Rajah 1: Peratusan Tahap Penggunaan Bahasa Sarkastik

Dalam kajian ini, terdapat lima item yang dibina bagi melihat tahap penggunaan bahasa sarkastik berdasarkan dialog yang diberikan. Perkara ini dapat dilihat pada jadual 2 seperti di bawah.

No	Item	R	SR	ST	T	AT
1	Sejauh manakah pelajar 2 bersarkastik dalam dialog 1?	-	14%	26%	60%	-
2	Sejauh manakah pelajar 1 bersarkastik dalam dialog 2?	-	-	14%	70%	16%
3	Bagaimakah kesesuaian percakapan pelajar 1 dalam dialog 2?	32%	68%	-	-	-
4	Dalam situasi 1, adakah percakapan pelajar 2 terlalu agresif?	-	-	10%	84%	6%
5	Dalam situasi 2, adakah percakapan pelajar 1 terlalu agresif?	6%	58%	34%	2%	-

Jadual 2: Tahap Penggunaan Bahasa Sarkastik

Berdasarkan analisis statistik yang dijalankan pada item 1, didapati seramai 30 orang pelajar (60%) menyatakan pada skala tinggi, 13 orang (26%) pada skala sederhana tinggi dan 7 orang (14%) pada skala sederhana rendah terhadap penggunaan sarkastiknya. Secara

keseluruhannya, item 1 telah memperoleh skor ($M=3.46$) pada tahap sederhana. Berdasarkan pandangan responden, ungkapan “*aku memang suka meniru orang yang bodoh*” adalah sindiran yang disampaikan secara tidak berlapik dan boleh mengurangkan hati pendengar. Namun, responden mengatakan bahawa ungkapan itu diungkap setelah pelajar 1 masih lagi menyatakan bahawa pelajar 2 meniru akan kertas peperiksannya. Tindakan tersebut dianggap wajar oleh responden kerana menganggap bahawa pelajar 1 seolah-olah tidak memahami akan maksudnya.

Selain itu, terdapat juga responden yang mengatakan bahawa penyampaian sarkastik tersebut telah menjadi satu kebiasaan bagi mereka dalam perbualan harian. Maka, penggunaan sarkastik tersebut tidak memberikan kesan yang mendalam terhadap dirinya.

Kemudian, item 2 telah menunjukkan seramai 35 orang (70%) pada skala tinggi, diikuti 8 orang (16%) pada skala amat tinggi dan akhir sekali, 7 orang (14%) pada skala sederhana tinggi. Secara keseluruhannya, keputusan telah mencatatkan skor ($M=4.02$) pada tahap tinggi. Berdasarkan persepsi responden yang diterima, mereka mengatakan bahawa pelajar 1 telah membuat satu perbandingan yang amat ketara dengan pelajar 2. Perkara ini dapat dilihat pada ujaran “*Hai!, aku dengar kau dapat D- dalam ujian yang lepas... Hebat, Einstein!*.” Jika dilihat penggunaan kata “*Einstein*” itu merujuk kepada seorang tokoh yang hebat dan terkenal dalam bidang sains. Namun, responden beranggapan bahawa pelajar 1 tidak sewajarnya membandingkan seorang tokoh yang hebat dengan seorang pelajar yang lemah. Ungkapan tersebut dianggap sebagai satu penghinaan kepada individu tersebut. Hal ini dapat dibuktikan apabila pengakhiran dialog tersebut menunjukkan bahawa pelajar 2 tidak ingin meneruskan perbualannya lagi.

Seterusnya, item 3 yang merujuk kepada kesesuaian percakapan pelajar 1 dalam dialog 2. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan taburan peratusan daripada skala rendah iaitu seramai 16 orang (32%) hingga skala sederhana rendah iaitu seramai 34 orang (68%) sahaja. Secara keseluruhannya, bahagian ini telah mencatatkan skor ($M=1.68$) pada tahap rendah.


Melalui dapatan tersebut, dapat disimpulkan bahawa penyampaian sarkastik oleh pelajar 1 adalah tidak bersesuaian dengan situasi tersebut. Hal ini kerana responden beranggapan bahawa pelajar 2 berkemungkinan dalam keadaan yang kecewa dengan keputusan yang diperoleh. Namun, tindakan pelajar 1 yang telah menyampaikan sarkastik kepada pelajar 2 adalah tidak wajar. Seharusnya, pelajar tersebut perlu memberikan semangat atau dorongan kepada rakannya. Melalui ucapan sarkastik daripada pelajar 1 itu telah menyebabkan kemarahan kepada pelajar 2 sehingga dapat dilihat dalam ungkapan “*Aku akan tinggalkan kau kalau kau masih teruskan*”. Ungkapan tersebut dianggap sebagai tanda amaran kepada pelajar 1 untuk tidak meneruskan sarkastiknya lagi.

Bagi item 4 pula, telah menunjukkan seramai 42 orang (84%) pada tahap skala tinggi, diikuti 5 orang (10%) pada tahap skala sederhana tinggi, dan akhir sekali 3 orang (6%) pada tahap skala amat tinggi. Berdasarkan analisis tersebut, secara keseluruhannya telah dicatatkan skor ($M=3.96$) pada tahap tinggi. Manakala item 5 pula, telah menunjukkan seramai 3 orang (6%) pada tahap skala rendah, 29 orang (58%) pada skala sederhana rendah, 17 orang (34%) pada skala sederhana tinggi, dan akhir sekali 1 orang (2%) pada skala tinggi. Oleh itu, secara keseluruhan bagi item ini telah mencatat skor ($M=2.32$) iaitu pada tahap rendah. Berdasarkan pandangan responden terhadap item 4 dan 5 ini, responden lebih menilai kepada penggunaan kata yang digunakan dalam sarkastik. Jika dilihat pada situasi 1, pelajar 2 telah menggunakan istilah yang kesat atau kasar terhadap pihak lawannya. Namun begitu, penggunaan tersebut dianggap tidak memberikan kesan yang mendalam terhadap responden seperti yang

dinyatakan pada item 1. Perkara ini berbeza dengan situasi 2 yang menunjukkan penggunaan bahasa sarkastik yang disampaikan oleh pelajar 1 lebih secara halus. Akan tetapi, ia memberikan kesan yang mendalam kepada si pendengar.

Kesan Penggunaan Bahasa Sarkastik

Dapatkan kajian mengenai kesan penggunaan bahasa sarkastik telah disenaraikan dalam rajah 2.



Rajah 2: Peratusan Bagi Kesan Penggunaan Bahasa Sarkastik

Dalam kajian ini, terdapat lima item yang dibina bagi melihat kesan penggunaan bahasa sarkastik berdasarkan dialog yang diberikan. Perkara ini dapat dilihat pada jadual 3 seperti di bawah.

No	Item	R	SR	ST	T	AT
6	Dalam situasi 2, adakah pelajar 2 berasa marah?	-	-	-	8%	92%
7	Dalam situasi 2, adakah pelajar 2 berasa jengkel?	-	-	-	12%	88%
8	Dalam situasi 1, adakah pelajar 2 berasa hina?	-	-	-	72%	28%
9	Dalam dialog 2, adakah niat pelajar 1 hendak bergurau?	14%	74%	12%	-	-
10	Dalam dialog 2, adakah niat pelajar 1 untuk menyakiti hati pelajar 2?	-	-	-	12%	88%

Jadual 3: Kesan Penggunaan Bahasa Sarkastik

Berdasarkan jadual di atas, jelas menunjukkan bahawa penggunaan bahasa sarkastik sememangnya dapat memberikan kesan yang negatif terhadap golongan remaja. Perkara ini dilihat berdasarkan analisis data yang diperoleh, telah menunjukkan bahawa terdapat empat bahagian yang memperoleh skor min pada tahap tinggi pada keseluruhannya. Antaranya, ialah item 6 yang menunjukkan skor ($M=4.92$), item 7 telah menunjukkan skor ($M=4.88$), item 8 menunjukkan skor ($M=4.28$) dan akhir sekali item 10 menunjukkan skor ($M=4.88$). Bagi item 9, secara keseluruhannya telah menunjukkan skor ($M=1.98$) pada skala rendah. Jika dilihat pada item 6 hingga 8, soalan tersebut lebih menunjukkan kepada perasaan sebenar responden terhadap penggunaan bahasa sarkastik berdasarkan situasi yang diberikan.

Namun, jika dilihat pada item 9 dan 10 pula lebih mempersoalkan niat pelajar 1 dalam dialog 2 iaitu niat tersebut adalah bersifat gurauan atau lebih kepada untuk menyakitkan hati pelajar 2. Berdasarkan analisis data yang diperoleh dalam item soalan 4, jelas menunjukkan bahawa niat pelajar 1 untuk bergurau adalah lebih kepada sederhana rendah.

Berdasarkan ulasan yang diberikan, responden menyatakan bahawa pelajar 1 sememangnya mempunyai niat untuk menyindir pelajar 2. Bahkan, ada juga yang menyatakan bahawa pelajar 1 mempunyai niat untuk membala serangan kepada pelajar 2 yang pernah menggunakan sarkastik kepada pelajar 1. Tambahan lagi, ada yang menyatakan bahawa pelajar 1 mungkin mempunyai niat untuk bergurau. Namun, ia tidak sesuai pada situasi tersebut.

Bagi item 5 pula, responden telah memberikan pandangan bahawa pelajar 1 sememangnya mempunyai niat untuk menyakitkan hati pelajar 2. Kenyataan ini dibuat apabila responden menyatakan bahawa pelajar 2 sememangnya tidak meniru pelajar 1. Hal ini dapat dilihat berdasarkan keputusan yang diperoleh oleh pelajar 2 dan ujaran yang disampaikan oleh pelajar 1 iaitu “*Sepatutnya aku yang meniru jawapan kau*”. Oleh itu, responden beranggapan bahawa pelajar 1 tidak sepatutnya bertindak untuk menyindir pelajar 2. Perbuatan tersebut telah menunjukkan bahawa pelajar 1 mempunyai niat untuk menyakiti hati pelajar 2. Tambahan pula, responden melihat bahawa pelajar 2 tidak mahu lagi meneruskan perbualan dengan pelajar 1.

Kesimpulan

Penemuan kajian ini telah menunjukkan bahawa penggunaan bahasa sarkastik telah disampaikan secara jelas ataupun sebaliknya. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan penggunaan sarkastik yang disampaikan oleh pelajar 2 dalam situasi 1 yang telah menggunakan sarkastik secara jelas dan penggunaan sarkastik oleh pelajar 1 dalam situasi 2. Sungguhpun begitu, penggunaan bahasa sarkastik sememangnya berfungsi untuk mengejek dan menghina. Kenyataan ini telah disokong oleh Gibbs (2000) yang mengatakan bahawa bahasa sarkastik mempunyai beberapa unsur atau sentimen seperti unsur penghinaan dan ejekan yang boleh menjurus kepada unsur negatif. Oleh yang demikian, kesan daripada penggunaan bahasa tersebut dapat menimbulkan kesan emosi terhadap seseorang. Perkara ini dapat dilihat pada peratusan kesan penggunaan bahasa sarkastik yang diperoleh dapat mempengaruhi emosi bagi golongan remaja. Sebagai contoh, emosi marah telah memperoleh skor ($M=4.92$) pada tahap tinggi, perasaan menjengkelkan telah digambarkan pada skor ($M=4.88$) yang berada pada tahap tinggi, dan akhir sekali perasaan hina juga telah mencatatkan tahap tinggi iaitu pada skor ($M=4.28$).

Selain itu, sarkastik ini juga mampu untuk menjaga air muka seseorang dengan menjelaskan keadaan yang berlapik walaupun dalam bentuk marah. Perkara ini dapat dilihat pada penyampaian bahasa sarkastik oleh pelajar 2, iaitu pada ujaran “*Ya, aku mengambil risiko yang tinggi untuk meniru kau, sebab kau kan seorang yang sangat pandai!!!*”. Selain itu, pelajar 1 juga telah menyampaikan sarkastik secara halus pada situasi 2. Sebagai contoh, “*Hai!, aku dengar kau dapat D- dalam ujian yang lepas... Hebat, Einstein!*”. Pernyataan tersebut dianggap sebagai pertuturan sarkastik yang halus kerana ia disampaikan dalam bentuk pujian. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan pada item 5 yang mempersoalkan penyampaian sarkastik secara agresif, dan hasilnya memperoleh tahap rendah iaitu pada skor ($M=2.32$). Kenyataan ini telah disokong oleh Alva (2016) yang menyatakan bahawa bahasa sarkastik sememangnya dapat dituturkan dalam bentuk sindiran halus hingga tajam. Namun, ia bergantung kepada penerimaan pendengar terhadap konteks ayat sarkastik. Hal ini kerana,

sarkastik boleh diterima oleh individu yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman terhadap penggunaannya (Kreuz et.al., 1999).

Rujukan

- Akmajian, A., Demers, R.A., Farmer, A.K. & Harnish, R.M. (2002). *Linguistik: Pengantar Bahasa dan Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Terjemahan oleh Asiah Mahdi dan Azizah Hussain).
- Alva Septiantya. (2016). *Bentuk, Makna dan Tujuan Tuturan Sarkasme Pada Serial Televisi House Md Episode 1 – 5 Musim 1*. Yogyakarta: Universitas Gadjah Mada.
- Bowes dan Katz. (2011). *When sarcasm stings*. Discourse Processes, 48(4), 215-236. doi:10.1080/0163853X.2010.532757.
- Cummings, Louise. (2007). *Pragmatik Sebuah Prespektif Multidisipliner*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Dress, M. L., Kreuz, R. J., Link, K. E., & Caucci, G. M. (2008, March). Regional variation in the use of sarcasm. *Journal of Language and Social Psychology*, 27(1), 71-85. doi:10.1177/0261927X07309512
- Frank Burton. (2009). *A History of Sarcasm*. London: United Kingdom.
- Grice, H. P. (1975). *Logic and conversation*. In: P. Cole & J. L. Morgan (eds.).
- Grice, H. P. (1967). *Logic and conversation: The William James lectures*. In (reprinted in Studies in the way of words): Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Gibbs, R. W. (2000). *Irony in talk among friends*. Metaphor and symbol, 15(1-2), 5-27.
- Gibbs, R. W. (2012). Are ironic acts deliberate?. *Journal of Pragmatics*, 44(1), 104-115.
- Joel Mounts. (2012). *A History of Sarcasm: Effects of Balanced Use of Sarcasm in a Relationship*. USA: Grand Valley State University.
- Keraf, G. (2010). *Diksi dan gaya bahasa*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka.
- Kreuz, R.J., Kassler, M.A., Max A., Coppenrath, L., Allen, B.M. (1999, November). Tag questions and common ground effects in the perception of verbal irony. *Journal of Pragmatics*, 31(12), 1685-1700. Retrieved December 29, 2011, from CSA Illumina.
- Ratanawalee Wimolmas. (2013). A survey study of motivation in English language learning of first year undergraduate students at Sirindhorn International Institute of Technology (SIIT), Thammasat University. Thailand. Foreign Language Learning and Teaching. *Conference Proceedings by LITU*, 2(1)
- Rd. M. Alfysa Dwikatama. (2015). *Penggunaan Gaya Bahasa Sarkasme Dalam Pergaulan Remaja*. Diambil daripada: /2015/01/penggunaan-gaya-bahasa-sarkasme-dalam.html
- Ruhaiza & Nur Hanisah. (Julai, 2016). *Dapat Duit, Dapat Pengalaman*. Dimuat turun daripada: <https://www.hmetro.com.my/node/154176>.
- Tarigan, Henry Guntur. (2009). *Pengajaran Gaya Bahasa*. Bandung: Angkasa.
- Toplak, M., & Katz, A. N. (2000, August 30). On the uses of sarcastic irony. *Journal of Pragmatics*, 32(1), 1467-1488.
- Zaitul Azma & Mohd Fuad (2012). Penggunaan Strategi Ketidaksantunan dalam Kalangan Remaja di Sekolah. *Jurnal Linguistik, Jilid 16*.